

22 MAR 2001

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PAKISTAN

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Pakistan Mohammad Rafiq Tarar sempena Hari Kemerdekaan negara itu esok.

Menurut kenyataan Kementerian Luar, pasangan diraja itu berharap hubungan erat yang sedia terjalin antara kedua-dua negara akan berterusan dan diperkukuhkan lagi di bawah pentabdiran dan kepimpinan Presiden itu.

"Beta berdua mengambil peluang ini untuk mendoakan agar tuan diberkati dengan kesihatan yang baik dan kesejahteraan serta negara Pakistan akan menikmati keamanan, keharmonian dan kemakmuran berterusan," kata Seri Paduka dalam perutusan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Dalam perutusannya kepada Ketua Eksekutif Pakistan Pervez Musharraf, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau gembira kerana kedua-dua negara terus menikmati hubungan yang mesra sejak sekian lama.

"Saya berharap hubungan dua hala dan kerjasama antara kedua-dua negara kita akan terus diperkukuhkan pada masa akan datang," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusan tahniah beliau kepada rakan sejawatannya Abdus Satar, berkata beliau yakin hasrat untuk menjalin kerjasama ekonomi, perdagangan dan kebudayaan yang lebih rapat akan dapat meningkatkan lagi hubungan baik antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

AR AHH RHM